

22 AUG 2004

Lee-Kerjasama

LEE SEDIA BEKERJASAMA DENGAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura yang baru Lee Hsien Loong, berkata beliau sudah bersedia untuk bekerjasama dengan rakan sejawatannya dari Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua buah negara.

"Saya sudah lama mengenali Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi. Di bawah pentadbirannya kami telah memulakan hubungan yang baru. Saya sudah bersedia untuk bekerjasama dengannya bagi mengukuhkan lagi hubungan kami," katanya ketika berucap di Perhimpunan Hari Kebangsaan malam ini.

Dalam ucapan dasar yang pertama selepas mengambil alih pucuk pimpinan minggu lepas, Lee berkata, walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam hubungannya dengan Malaysia di bawah pentadbiran bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Singapura telah melakukan yang terbaik bagi mengekalkan hubungan dengan negara jirannya itu.

"Apabila Perdana Menteri Mahathir memberi tekanan kepada kami supaya mengubah Perjanjian Air, kami tidak berganjak dan berpegang teguh kepada undang-undang negara kami. Kami memberi penjelasan sepenuhnya mengenai perundingan dengan Malaysia dan mengapa kami dipertahankan dalam undang-undang antarabangsa dan bersedia untuk menghadapi mana-mana tribunal antarabangsa.

Lee berkata negara-negara jiran yang paling rapat iaitu Indonesia dan Malaysia akan sentiasa menjadi keutamaan negara itu.

"Satu perkara yang tidak akan berubah ialah pendekatan kami terhadap hubungan dengan negara-negara luar. Kami bersahabat dengan semua negara, terutama negara jiran serta negara-negara yang mempunyai pengaruh besar.

"Kami ingin bekerjasama dengan negara-negara yang sanggup bekerjasama dengan kami dan inginkan kerjasama yang dapat menguntungkan kedua-dua belah pihak, tetapi itu tidak bermakna yang kami akan sentiasa menyediakan pandangan atau kedudukan negara-negara lain. Apabila kepentingan kami menjadi pertaruhan, kami harus bangun dan mempertahankannya. Seperti yang dikatakan Dr Habibie, Singapura diibaratkan seperti satu titik merah yang kecil. Jika kita tidak mempertahankan kepentingan kita, siapa lagi?" katanya.

Pendekatan ini, kata Lee, telah membuatkan Singapura dihormati di peringkat antarabangsa dan mempunyai rangkaian yang baik dengan negara-negara di seluruh dunia. Tetapi, dari semasa ke semasa, Singapura juga pernah diuji dan sebagai negara yang kecil, ia tidak mampu mengelak.

"Ketika Michael Fay dihukum sebat kerana terlibat dalam kegiatan vandalisme, Presiden Bill Clinton telah menulis bagi pihaknya, tetapi kami tidak boleh melepaskannya daripada hukuman sebat. Rakyat di seluruh Asia menghormati pendirian kami," katanya di hadapan hadirin yang ramai termasuk bapanya, Menteri Mentor Lee Kuan Yew dan bekas Perdana Menteri Goh Chok Tong yang kini memegang jawatan Menteri Kanan.

-- BERNAMA

SS FAI BK